

Mahathir: Jadikan abad 15 Hijrah untuk timba ilmu

B. H. 17 JAN 1981

ALOR SETAR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru umat Islam supaya menjadikan abad ke 15 Hijrah sebagai abad kesedaran untuk menimba ilmu pengetahuan bagi menjamin masa depan Islam.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tiap umat Islam mempunyai tanggungjawab terhadap kemajuan dan masa depan Islam bukan sahaja di negaranya sendiri bahkan di negara-negara lain.

Berucap merasmikan sambutan abad ke 15 Hijrah anjuran Pergerakan Wanita UMNO Malaysia di Stadium Datuk Syed Omar di sini hari ini beliau menambah umat

Islam di Malaysia amat bertuah kerana mereka dapat menikmati kebebasan dan kesejahteraan hidup.

Tetapi, terdapat ramal umat Islam di negara-negara lain yang tidak senasib dengan umat Islam di Malaysia kerana ditindas dan tidak mendapat kebebasan umat mengamalkan ajaran Islam dengan sempurna.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, sempena perayaan abad ke 15 Hijrah, umat Islam di Malaysia harus membuat resolusi untuk mengubah nasib menerusi pelajaran dan pengetahuan bagi membolehkan mereka membantu umat Islam di negara-negara lain yang kurang bernasib baik.

Katanya umat Islam harus berusaha untuk

menyelamatkan diri sendiri dan umat Islam yang lain selaras dengan semangat Hijrah Nabi Mohammad yang telah menyelamatkan umat Islam.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, satu cara untuk menyelamatkan umat Islam ialah menerusi ilmu pengetahuan kerana di sini umat Islam ketinggalan walaupun mereka sekarang merupakan golongan yang terkaya di dunia.

Tanpa ilmu pengetahuan, umat Islam tidak akan dapat mempertahankan kedaulatan agama dan bangsa mereka sendiri dan mereka akan sentiasa bergantung kepada orang lain.

Sebagai contoh, umat Islam masih bergantung kepada pihak lain termasuk musuh Islam (komunis) untuk mendapatkan bekalan senjata dan alat peperangan kerana umat Islam sendiri tidak berkeupayaan untuk membuatnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir dukacita

kerana senjata yang dibekalkan oleh musuh Islam itu digunakan pula untuk membunuh sesama Islam seperti mana yang sedang berlaku sekarang di beberapa buah negara.

Menurut beliau, dunia Islam sekarang menghadapi banyak cabaran yang mana beberapa buah negara Islam telahpun jatuh ke tangan komunis dan bandar suci Baitul Mukaddis masih belum dapat dibebaskan.

Kesemuanya ini harus menjadi satu pengajaran kepada umat Islam di Malaysia dan mereka sepatutnya mengutamakan ilmu pengetahuan bagi melengkapkan diri untuk mempertahankan kesejahteraan Islam bukan sahaja di Malaysia bahkan di negara-negara lain.

Katanya, nasib umat Islam di Afghanistan, Yaman, Kampuchea dan selatan Soviet harus difikirkan bersama oleh umat Islam di Malaysia supaya nasib mereka tidak akan menjadi seperti umat Islam di negara-negara tersebut.